

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 NOVEMBER 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 15

Kerajaan diminta beri penjelasan keberkesanan sistem PADU

Kerajaan diminta beri penjelasan keberkesanan sistem PADU

Kerajaan diminta memberi penjelasan berhubung status terkini sistem Pangkalan Data Utama (PADU) dan mekanisme akan digunakan bagi membantu rakyat Malaysia yang benar-benar memerlukan subsidi bersasar.

Jimmy Puah Wee Tse (PH-Tebrau) berkata, lebih banyak penjelasan diperlukan bagi meyakinkan rakyat bahawa PADU adalah sistem benar-benar berkesan untuk menyampaikan subsidi kepada mereka yang perlu dibantu.

"Kerajaan perlu memastikan subsidi bagi rakyat benar-benar sampai, malah banyak kali kerajaan sebut mengenai sistem PADU dan ia diharap adil, telus serta berkesan untuk menyampaikan subsidi."

"Kita berharap menteri boleh memberi lebih banyak pencerahan berhubung status terkini sistem PADU dan apa mekanisme serta komposisinya yang boleh diguna untuk membantu mereka yang memerlukan subsidi," katanya pada sesi perbahasan peringkat jawatankuasa bagi Kementerian Ekonomi, di Dewan Rakyat, semalam.

PADU dijangka melalui tempoh percubaan mulai bulan ini sebelum dibuka kepada orang ramai pada Januari 2024 untuk kegunaan pengesahan maklumat peribadi.

Dalam pada itu, Jimmy juga mahu tahu sama ada kerajaan melaksanakan kajian impak limpahan ekonomi sekiranya Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura dibina kelak.

Beliau sekali gus menyokong cadangan pelaksanaan semula HSR Kuala Lumpur-Singapura membabitkan pelaburan swasta yang dijangka memberi manfaat kepada pembangunan Iskandar Malaysia dan ekonomi di Johor.